



TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' MOHD YAZID BIN SAIRI D.S.I.S.
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**

DI

**MAJLIS PERHIMPUNAN BULAN DISEMBER, SAMBUTAN HARI
INOVASI DAN INTEGRITI SERTA PROGRAM GOTONG-
ROYONG PERDANA EKSA MAJLIS PERBANDARAN
SELAYANG TAHUN 2023**

8 DISEMBER 2023 | JUMAAT

8.30 PAGI | LOBI MENARA MPS

Terima kasih pengacara majlis.

Assalamualaikum wbt, Salam Sejahtera, Salam Selayangku

Sayang dan Salam Malaysia MADANI.

Yang Berusaha Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi

Timbalan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Selayang

Yang Dihormati Dato' Paduka Raja Tan Sri Dato' (Dr) Hj

Wan Mahmood bin Pa' Wan Teh

Dato' Orang Kaya Maha Bijaya, Orang Besar Daerah Gombak

Yang Berusaha Tuan Haji Az'har bin Samsuri

Penolong Setiausaha, Majlis Perbandaran Selayang

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis,

Majlis Perbandaran Selayang

Para pengarah jabatan, pegawai-pegawai, tuan-tuan, puan-puan
warga MPS yang dikasihi sekalian.

1. Alhamdulillah, pertama dan terutamanya marilah sama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurniaNya, dapat kita bersama-sama di hari yang cukup bermakna ini dalam Majlis Perhimpunan Bulan Disember, Sambutan Hari Inovasi dan Integriti serta Program Gotong-Royong Perdana EKSA Majlis Perbandaran Selayang Tahun 2023.
2. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua yang hadir bagi memeriahkan lagi majlis kita pada pagi ini. Segala kerjasama daripada warga MPS amatlah saya hargai.

YDH Tan Sri, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

3. Penganjuran sambutan Hari Inovasi dan Integriti MPS 2023 bertujuan untuk menggalakkan percambahan idea-idea kreatif dalam kalangan penjawat awam serta menggalakkan pembudayaan inovasi dalam organisasi sektor awam ke arah meningkatkan produktiviti, menyelesaikan masalah dan menambah baik inisiatif-inisiatif kepada rakyat.
4. Kehadiran seluruh warga MPS pada pagi ini merupakan satu indikator bahawa aspek kreativiti dan inovasi terus

berkembang menjadi elemen penting untuk membentuk budaya kerja berdaya cipta dalam kalangan perkhidmatan awam Malaysia.

5. Merujuk kepada teras ketiga visi Malaysia MADANI, iaitu Berdaya Cipta jelas menunjukkan kepentingan inovasi. Inovasi akan menyumbang kepada idea baharu, produk baharu mahupun proses baharu yang mengubah sesuatu perkara menjadi lebih cekap dan berkesan. Bagi tahun 2022, Malaysia berada di kedudukan ke-36 daripada 132 negara dalam Indeks Inovasi Global yang diterbitkan oleh World Intellectual Property Organization atau WIPE. Malaysia juga berada di kedudukan kedua dalam kalangan 36 buah negara kumpulan berpendapatan sederhana atasan.
6. Kedudukan ini menggambarkan cabaran dan juga peluang untuk kita menggandakan usaha bagi meningkatkan keupayaan inovasi dalam negara.
7. Untuk makluman, inovasi telah lama berada dalam sesebuah organisasi dan kita dapat lihat bagaimana ia berevolusi dan berkembang. Sebagai contoh, Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) diwujudkan untuk menyelesaikan masalah melalui penghasilan atau penambahbaikan

sesuatu produk mahupun perkhidmatan yang boleh memberi manfaat kepada organisasi dan pelanggan.

8. Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk berkongsi beberapa program dan kejayaan berkaitan inovasi dan kualiti MPS sepanjang tahun 2023, antaranya:

- i. Pengiktirafan tertinggi – Public Service International Award melalui Projek My Auger All In One,
- ii. Lahirnya, 15 projek baharu inovasi melalui program Cetus Idea Kumpulan Inovatif dan Kreatif MPS 2.0 2023, dan
- iii. Pertandingan Kuiz Betul dan Pantas 2.0 yang berjaya meningkatkan kualiti ilmu pengetahuan warga MPS berkaitan Pelan Strategik MPS, ISMS, ISO, KIK dan Integriti.

9. Selain itu, di MPS juga kita tidak ketinggalan menjadi pemangkin semangat untuk mengukuhkan komitmen dalam membudayakan dan menjadikan integriti sebagai asas utama membentuk dasar kemajuan. Pelbagai program berbentuk advokasi, literasi dan pendidikan kesedaran tentang keperluan untuk membudayakan amalan integriti serta pengukuhan integriti yang dilaksanakan oleh Unit Integriti MPS sepanjang tempoh tahun 2023 yang melibatkan warga kerja MPS sendiri dengan Kerjasama

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan juga Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) serta Polis Diraja Malaysia (PDRM).

10. Antara Program Pengukuhan Integriti yang dilaksanakan sepanjang tahun 2023 antaranya:

- i. Taklimat Tanggungjawab Penguatkuasaan Anggota Penguatkuasa Majlis Perbandaran Selayang (MPS) Bersama Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) pada 31 Mac 2023.
- ii. Taklimat Integriti Perolehan Kepada Syarikat Kontraktor Lantikan Majlis Perbandaran Selayang serta Sesi Ikrar Bebas Rasuah (IBR) Dengan Kerjasama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada 23 Mei 2023.
- iii. Taklimat Kesedaran Pengurusan Kewangan Peribadi Kepada Kakitangan Majlis Perbandaran Selayang (MPS) Bersama Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) pada 11 Julai 2023.
- iv. Bengkel Kajian Semula Dan Pemantauan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) MPS pada 4 Oktober 2023.
- v. Lawatan Penandaarasan Ke Majlis Bandaraya Kuantan pada 6 Oktober 2023, dan

- vi. Program Bicara Integriti dengan kerjasama ASP Tuan Rahmat Fitri Duta Anti Scam PDRM Sempena Hari Inovasi dan Integriti pada 6 Disember 2023

YDH Tan Sri, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

11. Pada hari ini juga, kita akan menyaksikan Penyerahan Buku Kajian Semula Separuh Penggal Pelan Strategik 2022 – 2025 MPS. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan penerbitan buku ini.

12. Untuk makluman, Kajian Semula Separuh Penggal Pelan Strategik MPS 2022 – 2025 yang disemak semula adalah bagi memastikan MPS bergerak seiring dengan ekspektasi pelanggan dan kemajuan Negara. Dalam memastikan perkara ini dicapai dan dihayati oleh warga MPS, tiga elemen penentu kepada keberhasilan program pelan tindakan yang dibangunkan diterapkan iaitu kepimpinan dan kecemerlangan organisasi, pembangunan modal insan berintegriti dan sumber kewangan yang kukuh.

13. Pada tahun 2022 dan 2023, MPS telah berjaya mencapai 72% indikator dan sasaran Pelan Strategik MPS 2022 – 2025. Hanya berbaki 28% sahaja lagi untuk dicapai bagi tempoh dua tahun akan datang. Jelas di sini, warga MPS menunjukkan komitmen yang amat jitu dalam memastikan segala perancangan Pelan Strategik berjaya.

YDH Tan Sri, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

14. Akhir kata, saya ingin merakamkan sekalung penghargaan dan setinggi-tinggi tahniah kepada barisan urus setia yang telah bertungkus lumus menjayakan Sambutan Hari Inovasi dan Integriti Majlis Perbandaran Selayang Tahun 2023.

15. Adalah menjadi keutamaan kepada seluruh warga MPS untuk terus mempergiat usaha dalam menyemarakkan lagi budaya inovasi, memastikan sistem penyampaian perkhidmatan MPS yang lebih cepat, cekap dan berkesan.

16. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirahim, saya merasmikan Sambutan Hari Inovasi dan Integriti Majlis Perbandaran Selayang 2023.

Sekian, wabillahi Taufik wal hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.